

Banjir di 3 negeri makin buruk

B.H 11/12/2007 M/S 17

Johor catat jumlah tertinggi dengan 5,000 mangsa dipindah, remaja korban terbaru

Oleh Ismail Mat, Azida Shahrudin, Betty Subaryati dan Asrol Awang

KUALA LUMPUR: Banjir di Johor dan Pantai Timur bertambah buruk dengan jumlah mangsa yang dipindahkan semakin meningkat berikutan hujan lebat yang berterusan sejak kelmarin.

Sehingga petang semalam, jumlah mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan meningkat kepada 8,091 dan daripada jumlah itu, kira-kira 5,000 di Johor; 1,610 (Kelantan); dan 1,481 (Pahang).

Bilangan korban akibat banjir meningkat kepada sembilan orang berbanding lapan kelmarin, apabila seorang remaja berusia 15 tahun dikhuatiri lemas dihanyutkan arus deras ketika menyeberang parit yang ditenggelami banjir di Kampung Paloh, Kota Bharu.

Di **KOTA BHARU**, hujan sepanjang malam kelmarin, menyaksikan jumlah mangsa banjir di seluruh Kelantan meningkat kepada 1,610 orang daripada 306 keluarga.

Pegawai Bertugas Bilik Gerakan Banjir Polis Kelantan, Asisten Superitendan Basar Salam, berkata jajahan Kuala Krai dan Pasir Mas mencatatkan jumlah masing-masing 649 dan 677 mangsa.

“Pusat pemindahan di Gua Musang, ditutup sementara hari ini (semalam) kerana semua mangsa banjir sudah kembali ke rumah apabila air surut,” katanya di sini, semalam.

Sementara itu, pelajar Maahad Muhammad Lelaki, Muhammad Safiq Aufa Mohd Sazali, 15, menjadi mangsa terbaru banjir apabila dikhuatiri lemas selepas gagal menyeberangi parit di Kampung Paloh, di sini.

Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner, Zahrudin Abdullah, berkata operasi mencari dan menyelamatkan mangsa sedang dilakukan oleh anggota bomba dan penyelamat, polis serta penduduk kampung.


Sementara itu, kira-kira 30 ibu mengandung dari kawasan terjejas banjir sekitar Rantau Panjang, dipindahkan ke lokasi berdekatan hospital kerana dijangka bersalin dalam tempoh terdekat.

Di Pasir Mas pula, 50 penduduk daripada 10 keluarga yang tinggal Kampung Lancang dekat Meranti, terputus hubungan dengan luar sejak tiga hari lalu selepas jalan masuk ke kampung itu ditenggelami banjir.

Di **KUANTAN**, jumlah mangsa yang dipindahkan di Pahang meningkat 246 mangsa, kepada 1,481 orang daripada 292 keluarga semalam, berbanding 1,235 orang daripada 239 keluarga kelmarin.

Pekan dan Bera adalah daerah terbaru yang dilanda banjir semalam, membabitkan 172 mangsa daripada 35 keluarga, manakala seramai 1,152 orang daripada 217 keluarga di Rompin masih berada di 10 pusat pemindahan sejak Jumaat lalu.

Di Maran, 94 mangsa daripada 26 keluarga ditempatkan di pusat pe-



Paloh Hinai, Kampung Aceh dan Kampung Pulau Rusa.

Beliau berkata, di daerah Bera pula, dua kawasan terbabit banjir ialah Kerayong dan Felda Rentam yang menyebabkan semua mangsa ditempatkan di dua pusat pemindahan.

Di **JOHOR BAHRU**, tiga daerah di Johor iaitu Segamat, Mersing dan Batu Pahat keadaan semakin buruk dengan kira-kira 5,000 orang ditempatkan di lebih 50 pusat pemindahan.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir negeri berkata, daerah yang paling teruk dilanda banjir sehingga lewat malam semalam ialah Segamat dengan 2,806 mangsa daripada 638 keluarga masih berada di 28 pusat pemindahan.

Beliau berkata, antara jalan terpaksa ditutup di daerah Segamat ialah Jalan Sermin-Bukit Tempurung, Jalan Tungku Tiga-Kampung Tengah, Jalan Tumang-Simpang Loi, dan Jalan Kampung Jawa-Felda Medoi.

Kolam takungan Syarikat Air Johor di Segamat kini tidak lagi berfungsi berikutan bekalan elektrik terputus, manakala paras air Sungai Segamat melebihi tahap bahaya.

Jurucakap itu berkata, Johor Bahru semakin buruk dengan lebih 2,000 mangsa banjir di Kampung Laut, Skudai tempat di Sekolah Kebangsaan Cina Pu Tze dan 15 lagi pusat pemindahan baru dibuka. Hujan lebat sejak jam 2 petang semalam menjadikan ibu negeri itu ditenggelami air yang terus meningkat sehingga lewat malam semalam.

mindahan, manakala 63 orang daripada 14 keluarga di Kuantan turut ditempatkan di lapan pusat pemindahan.

Negeri Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang berkata, di Pekan, lokasi yang ditenggelami air ialah Kampung Mencupu, Kampung Temai Tengah dan Temai Hilir, Kampung

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir